



**Muhamad Yusof**  
Maktab Koperasi Malaysia Zon Timur

# PEMIMPIN BERJIWA QANAAH PEMACU KESEJAHTERAAN KOPERASI

**Allah SWT berfirman:**

**"Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah SWT kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagiamu dari (kenikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah SWT telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah engkau berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan."**  
**(Surah Al Qashash:77)**

Qanaah dari segi bahasa bermaksud berasa cukup serta puas dengan setiap sesuatu yang telah dikurniakan oleh Allah SWT dan tunduk serta akur dengan kurniaan-Nya. Manakala, dari segi istilah pula, Qanaah boleh didefinisikan mengikut pendapat seperti berikut :

1. Muhammad Ali Al-Tirmizi: Qanaah ialah jiwa yang rela terhadap pemberian rezeki yang telah ditentukan-Nya.
2. Bishr Al-Hafi: Qanaah ibarat raja yang tidak akan bertakhta kecuali di hati orang Mukmin.
3. Abu Abdillah bin Khafif: Qanaah adalah perbuatan meninggalkan angan-angan terhadap sesuatu yang tidak ada dan berasa cukup dengan sesuatu yang ada.

4. Abu Sulaiman Al-Darani: Qanaah kerana rela dengan kedudukannya adalah sama dengan warak kerana zuhud. Qanaah ialah permulaan rela, sedangkan warak itu sendiri ialah zuhud.

5. Muhammad Al-Kattani: Sesiapa yang menjual ketamakan dirinya dengan sifat Qana'ah, maka dia akan memperoleh kemuliaan dan harga diri.

6. Abu Bakar Al-Maraghi: Orang yang sihat akalnya ialah orang yang mengatur urusan dunia dengan sikap Qanaah serta mempercepatkan tugas dalam mengatur urusan agama dengan ilmu dan ijтиhad.

Qanaah merupakan salah satu sifat Nabawi yang bermaksud rasa cukup dan puas hati dengan apa jua rezeki pemberian Allah SWT. Ia merupakan suatu

manifestasi keimanan yang mampu mengawal dan membatasi sifat ketamakan, kerakusan dan haloba yang mudah menguasai diri. Dengan tersematnya nilai Qanaah di dalam diri setiap pemimpin, ia dapat menjadi benteng dan mampu mendidik hati agar sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki seperti yang digambarkan menerusi hadis berikut:

“Jika seorang anak Adam memiliki emas dua lembah sekalipun maka dia akan (berusaha) mencari lembah yang ketiga. Perut anak Adam tidak akan berasa puas sehingga pula dipenuhi dengan tanah”

(HR. Riwayat Bukhari).

Sebagai seorang pemimpin, kekayaan yang ingin dikecapi mestilah tidak disulami dengan pertindihan kepentingan antara organisasi dan individu. Kesedaran bahawa setiap keuntungan yang diperoleh merupakan rezeki daripada Allah SWT akan mewujudkan pula sikap bertanggungjawab dalam membelanjakan harta seperti berinfak ke jalan Allah SWT dan menunaikan zakat. Sesungguhnya, budaya Qanaah dan bersederhana dalam berbelanja merupakan salah satu ciri Ibadurrahman atau hamba-hamba Allah yang dijanjikan balasan syurga di akhirat kelak seperti firmanNya:

“Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan dan tidak pula kikir, dan adalah (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian”

(Surah Al-Furqan: 67)

Imam Al-Qurthubi mengutarakan lima formula yang disifatkan sebagai kejayaan dalam kehidupan iaitu memperoleh rezeki yang halal, Qana'ah, taufik, saadah/bahagia, jannah/syurga. Manakala Prof. Hamka menerangkan tentang sifat Qanaah menerusi bukunya yang berjudul Tasawuf Moden.

Sifat Qanaah mengandungi lima perkara iaitu:

1. Menerima apa yang ada dengan rela;
2. Memohon kepada Allah SWT agar diberi penambahan dengan segera, disusuli dengan usaha;
3. Menerima ketentuan Allah SWT dengan sabar;
4. Bertawakal kepada Allah SWT;
5. Tidak mudah tertarik pada tipu daya dunia.

Rasulullah SAW bersabda:

“Kekayaan (yang hakiki) bukanlah dengan banyaknya harta. Namun kekayaan (yang hakiki) adalah kekayaan jiwa”.

(HR. Bukhari dan Muslim)

Mempunyai jiwa Qanaah di dalam setiap kalbu pemimpin koperasi merupakan satu energi yang mampu melonjakkan koperasi dari sudut modal insan, penerokaan produk dan perkhidmatan yang menguntungkan, kebajikan, peluang pekerjaan atau perniagaan kepada anggota dan keluarga serta kewangan yang kukuh. Para pemimpin koperasi hendaklah mempunyai ketenangan hati dan jiwa kerana bidang berkoperasi memerlukan pemimpin yang mempunyai hubungan dan akauntabiliti secara menegak (vertikal) dan melintang (horizontal) secara seimbang. Hubungan vertikal iaitu hubungan dengan Allah SWT (Hablumminallah), sedangkan hubungan horizontal adalah hubungan sesama makhluk Allah SWT (Hablumminannas).



Pengertian Qanaah sering disalahertikan oleh segelintir orang, sehingga ada yang menganggap ia merupakan punca kepada kemunduran umat Islam dalam pelbagai sudut dan mengganggu proses perkembangan seseorang untuk lebih maju dan berjaya dalam aspek kehidupan pada hari ini. Justeru, dalam mengharungi persekitaran berkoperasi, pemimpin koperasi pastinya tidak terlepas daripada pelbagai andaian negatif, persepsi dan tohmahan daripada anggota. Ia merupakan asam garam bagi seseorang pemimpin kerana pemimpin koperasi juga manusia yang tidak mampu memuaskan hati semua pihak. Mempunyai jiwa yang tenang dan menerima sesuatu dengan berfikiran positif akan membawa kecemerlangan kepada pemimpin koperasi.

## **Qanaah dalam Kepimpinan Koperasi**

Keenakan sesuatu masakan terletak kepada ramuan yang disempurnakan oleh tukang masak yang bagus. Begitu juga di dalam koperasi, kesejahteraan sesebuah koperasi terletak kepada perancangan strategik yang bersandarkan kepada Qanaah menjadi rahsia ramuan untuk membina landasan kejayaan koperasi dan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin koperasi yang berkemahiran. Terdapat lima ramuan Qanaah dan dua senjata yang perlu difahami dan dipraktikkan oleh pemimpin koperasi.

### **Ramuan Qanaah #1: Syukur Segalanya**

“Dan (ingatlah), tatkala Tuhanmu memaklumkan; ‘Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih’.

(Surat Ibrahim: 7)

Syukur itu diwujudkan dalam tiga aspek:

1. Syukur dengan hati, iaitu menyedari dan meyakini bahawa semua nikmat dan kurniaan yang diperoleh merupakan anugerah Allah SWT dan berasal dari-Nya.
2. Syukur dengan lisan, iaitu dengan memuji Allah SWT sebanyak-banyaknya.
3. Syukur dengan perbuatan, iaitu taat beribadat kepada-Nya dan menggunakan kurniaannya itu untuk kebaikan.

Ketiga-tiga aspek syukur ini perlu difahami oleh pemimpin koperasi bagi memastikan setiap pendapat yang dibincangkan dan diteruskan dengan pelaksanaan terurus menjadi ibadah di sisi Allah SWT. Sudah pasti setiap keuntungan yang diperoleh oleh koperasi mendapat keberkatan.

Apabila akal fikiran memahami konsep syukur, ia menjalinkan daya spiritual yang tinggi dalam arus pemikiran yang positif. Sebaliknya, apabila akal fikiran lemah dalam memahami konsep syukur, tidak hairanlah sekiranya segala perkara dipandang dari sudut negatif. Fikiran yang mempunyai daya spiritual yang tinggi memerlukan ramuan Qana'ah. Khalimah ‘Syukur Segalanya’ bermaksud walau apa pun yang terjadi, baik atau buruk, untung atau rugi, kaya atau miskin, gagah atau lemah dan senang atau susah, segalanya dianggap sebagai sesuatu yang positif.



**Ketika seseorang hanyut dalam keluhan, pancainderanya pun tidak mampu lagi memainkan peranannya untuk melihat, mendengar, menghidu dan merasakan nikmat yang bertebaran diberikan oleh Allah SWT tanpa hentinya.**

Menurut pengamal Neuro Lingusitik Programming (NLP) menerusi Andaian NLP iaitu:

“Tiada Kegagalan, Hanya Maklum Balas”.

Ini membawa maksud sesuatu yang kelihatan seperti kegagalan boleh dianggap sebagai kejayaan yang hanya berhenti terlalu awal. Berdasarkan pemahaman ini, kita boleh berhenti menyalahkan diri kita sendiri dan orang lain, mencari penyelesaian dan meningkatkan kualiti apa yang kita lakukan.

Sesungguhnya Allah SWT menyukai hamba-Nya yang sentiasa bersyukur dengan setiap ketentuan:

“Siapa yang tidak mensyukuri manusia maka dia tidak mensyukuri Allah SWT”.

(HR. Abu Daud dan At-Tarmizi).

Ketika seseorang hanyut dalam keluhan, pancainderanya pun tidak mampu lagi memainkan peranannya untuk melihat, mendengar, menghidu dan merasakan nikmat yang bertebaran diberikan oleh Allah SWT tanpa hentinya. Hatinya serta-merta buta daripada mengingat dan bersyukur atas nikmat Allah SWT yang tiada terbatas. Itulah sifat manusia yang selalu mempunyai keinginan yang tidak terbatas dan tidak pernah puas atas pemberian Allah SWT kecuali hamba-hamba yang bersyukur. Sebaiknya, mengeluhlah hanya kepada Allah SWT, kerana sesungguhnya segala kejadian sudah menjadi ketentuan-Nya dan hanya Dia-lah sebaik-baik pemberi solusi.

Jika ada niat dan tekad dengan bersungguh-sungguh, insya-Allah keikhlasan dan kesabaran akan menjadi perhiasan yang mewarnai akhlak kita sehari-hari dan kita terhindar daripada lisan dan sikap yang sering berkeluh-kesah. Marilah kita hayati bait-bait kata yang dinukilankan oleh Grand Master NAQS Indonesia iaitu Bapak Edi Sugianto mengenai syukur:

- Rasa syukur membuat hidup kita indah,
- Rasa syukur membuat yang sedikit terasa cukup,
- Rasa syukur mengubah apa yang kita miliki menjadi cukup dan berharga,
- Rasa syukur mengubah masalah yang kita hadapi menjadi hikmah yang bernilai,
- Rasa syukur mengubah makanan biasa terasa menjadi istimewa,
- Rasa syukur dapat mengubah rumah yang sempit terasa lapang dan nyaman,
- Rasa syukur mengubah kegagalan menjadi pelajaran berharga,
- Rasa syukur mengubah kekeruhan suasana menjadi kejernihan,
- Rasa syukur membuat sesuatu yang tidak enak menjadi enak,
- Rasa syukur membuat sesuatu penolakan menjadi penerimaan,
- Rasa syukur dapat mengubah rasa benci menjadi kasih sayang,
- Rasa syukur membuat kedamaian di hati kita,
- Rasa syukur menjadikan hari ini terasa damai,
- Rasa syukur membuat masa lalu menjadi kenangan, masa depan adalah harapan,
- Ternyata rahsia membuat hidup indah itu hanya rasa syukur dalam hati.

“Ya Allah SWT bantulah aku untuk dapat mengingat-Mu, bersyukur atas nikmat-Mu dan beribadah kepada-Mu dengan baik.” Amin...

Kefahaman maksud yang tersirat di sebalik kata-kata yang tersurat merupakan renyah kepada ramuan kesyukuran yang perlu dihayati oleh pemimpin koperasi.

### Ramuan Qanaah #2: Reda Segalanya

Nilai berlapang dada dan reda atas ketentuan Allah SWT setelah pelbagai perancangan dan tindakan demi memakmurkan koperasi dilaksanakan secara holistik perlu dimiliki oleh setiap pemimpin koperasi sekalipun hasil yang diterima tidak seperti yang diharapkan. Mencari keredaan Allah SWT perlu ada pada setiap jiwa pemimpin koperasi dalam memberi sulusan kerahmatan tatkala memikul amanahnya.

"Sesungguhnya barang siapa yang mencari reda Allah SWT sedangkan manusia murka, maka Allah SWT akan cukupkan baginya akan segalanya di dunia ini. Tetapi barang siapa yang mencari keredaan manusia dalam keadaan Allah SWT murka, maka Allah SWT menyerahkan nasibnya pada manusia."

(Hadis Sahih Riwayat At-Tarmizi)

Reda segalanya menambat hati setiap pemimpin koperasi kepada iktisab iaitu yakin terhadap janji-janji telah diberikan oleh Allah SWT hasil daripada amal kebaikan yang dilakukan dan menjauhi kemungkaran. Reda segalanya juga membentuk keihsanan pemimpin koperasi dalam membuat kebajikan dan berusaha meninggikan nilai manusia serta mendidik jiwa anggota dan diri sendiri ke arah mendekati Allah SWT. Keihsanan dalam melakukan perubahan dengan sebaik mungkin adalah berdasarkan keilmuan, kemahiran, kreativiti, inovasi, kebolehan dan kemampuan yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin koperasi.

Apabila seseorang pemimpin koperasi itu reda, maka secara pandangan kasarnya, pemimpin tersebut mempunyai sifat rendah diri, bersyukur dan sentiasa mengingati Allah SWT dalam semua perkara. Inilah yang membezakan antara reda dan pasrah

### Ramuan Qanaah #3: Terima Segalanya

Nathaniel Lambert, pakar psikologi dalam jurnal Psychological Science mengatakan:

"Sewaktu kita mengekspresikan rasa terima kasih kepada seseorang, kita akan lebih fokus pada hal-hal baik yang telah dilakukan orang itu kepada kita. Hal ini akan membuat kita lebih fokus pada hal-hal positif dalam hubungan anda dan dia."

Ungkapan terima kasih inilah merupakan penawar hati untuk kita lafazkan kepada manusia dan Allah SWT. Ini bagi menzahirkan kesucian hati dalam menerima apa sahaja yang berlaku.

Di dunia tanpa sempadan dan persekitaran pasaran ekonomi terbuka, kekhilafan perancangan perniagaan akan mengundang peluang menjadi ancaman. Justeru, sebagai pemimpin koperasi yang juga peneraju kepada perniagaan koperasi, mereka perlu mempunyai kemahiran dalam membuat analisa kewajaran sesuatu aktiviti ataupun perniagaan menggunakan 7S Mc Kinsey bagi analisis persekitaran dalaman manakala menggunakan PESTEL dan *Porter Five Forces* bagi analisis persekitaran luaran.

Dari sudut perubahan keperibadian individu, persekitaran dalaman dan luaran koperasi juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap dan gaya seseorang pemimpin koperasi. Kemungkinan akan berlaku pertembungan antara kepentingan peribadi dan kepentingan koperasi, yang mana perlu diberi keutamaan. Tidak kurang juga terdapat pemimpin koperasi yang mempunyai energi luar biasa untuk memakmurkan koperasi menerusi pelbagai aktiviti ekonomi, menyediakan perancangan strategik dan mengharapkan segala perancangan sukses serta mampu menghasilkan keuntungan kepada koperasi. Sebagai pemimpin koperasi, mereka hanya mampu merancang namun ketentuan dan hasilnya terletak kepada hak Allah SWT.

Melalui ramuan Qanaah ini, pemimpin koperasi perlu menerima segala ketentuan Ilahi dengan hati yang terbuka biarpun hasilnya tidak seperti yang diharapkan, pada masa yang sama mengkaji kembali perancangan dan pelaksanaan dari pelbagai sudut kemungkinan.

Setiap pemimpin koperasi perlu mempunyai pemikiran spiritual yang tinggi, pemimpin koperasi perlu menerima segalanya tanpa menyalahkan sesiapapun. Setiap apa yang terjadi sudah pasti ada hikmah di sebaliknya dan inilah ‘antibiotik’ yang perlu diserapkan di dalam setiap jiwa pemimpin koperasi. Ia berkemampuan menangkis segala keluhan dan sikap putus asa. Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kerana sesungguhnya setiap kesulitan itu ada kemudahan. Sesungguhnya setiap kesulitan itu ada kemudahan.”

(Surah Al-Insyirah: 5,6)

### Ramuan Qanaah #4: Tawakal

“Rezeki secupak tidak menjadi segantang”

“Kita bertawakal sahaja kepada Allah SWT, kalau ada rezeki ada lah”.

Inilah ungkapan yang sering kita dengar dan menjadi halwa telinga semenjak dahulu lagi. Kesilapan dalam memahami pengertian tawakal boleh memundurkan orang Islam, lebih-lebih lagi pemimpin koperasi. Terdapat sebilangan pemimpin koperasi yang tidak begitu memahami erti dan tuntutan tawakal yang membawa maksud berserah diri kepada Allah SWT selepas ikhtiar dan melakukan perancangan serta pelaksanaan secara strategik. Manusia hanya mampu merancang tetapi perlu disusuli dengan ikhtiar sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah S.A.W menerusi kisah ini.

Suatu hari seorang lelaki berjumpa dengan Nabi Muhammad S.A.W. Lalu Nabi bertanya kepada lelaki itu “Kamu datang dengan apa?

Lelaki itu lantas menjawab “Dengan unta, aku biarkan di luar dan aku bertawakal”.

Nabi berkata kepada lelaki tersebut “ Ikat dahulu baru bertawakal”.

Tawakal merupakan ibadat hati yang diawali dengan keikhlasan dan penyerahan kepada Allah SWT setelah

mengambil tindakan yang sewajarnya. Sebagai pemimpin koperasi, mereka tidak boleh mengharapkan sesuatu keajaiban berlaku tanpa melakukan perancangan dan tindakan terhadap pembangunan modal insan anggota dan perniagaan koperasi.

Konsep takdir dan tawakal menggambarkan kesejahteraan jiwa setiap pemimpin koperasi setelah tindakan perancangan, kawalan, pemantauan dan penambahbaikan terhadap semua aktiviti koperasi yang dijalankan. Pemimpin koperasi bukan hanya sekadar merancang dan membiarkan aktiviti koperasi dilaksanakan tanpa pengurusan yang baik. Mereka perlu bersedia dari sudut ilmu, kemahiran dan sikap bertawakal dalam memastikan hasrat dan harapan anggota dalam meningkatkan kedudukan ekonomi mereka tercapai.

Tidak kira sehebat mana perancangan dalam perniagaan. Apabila Allah SWT tidak mengizinkan perkara tersebut berlaku, maka tidak jadilah perancangan tersebut. Oleh itu, pemimpin koperasi perlu bertawakal kepada Allah SWT semata-mata. Bukan kepada makhluk lain.

### Ramuan Qanaah #5: Tolak Tarikan Dunia

Daripada Syaidina Umar Al-Khatab

“Bekerjalah untuk dunia seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan bekerjalah untuk akhirat seolah-olah kamu akan mati esok”.

Menolak tarikan dunia yang menjerumuskan diri kepada kemungkar dan kebinasaan merupakan suatu jihad diri yang perlu ada pada sanubari pemimpin koperasi. Tipu daya dunia sering mengajak manusia terpesona mengejar kesenangan hidup di dunia dan tidak mempedulikan kehidupan akhirat. Seluruh usaha dan tenaga dikerahkan untuk mendapatkan kekayaan, kesenangan dan kenikmatan hidup di dunia tanpa mempedulikan sama ada ia halal atau haram. Malah, ada yang menghalalkan cara untuk mendapatkannya.

Sebagai contoh, sanggup mendahulukan kepentingan peribadi apabila berlakunya pertembungan kepentingan (conflict of interest) antara kepentingan koperasi (amanah) dengan kepentingan diri. Falsafah Machiavellian (Machiavellianism) mesti dijauhi oleh pemimpin koperasi. Justeru, pemimpin koperasi mestilah memahami dan menjawai Seksyen 44 Akta Koperasi 1993 sebagai perisai sepanjang memikul amanah sebagai pemimpin koperasi. Perundangan koperasi merupakan garis panduan kepada pemimpin koperasi dalam melaksanakan akauntabiliti.

Oleh itu, bagi mengelakkan ‘kelemasan tarikan dunia’, pemimpin koperasi perlu mempunyai sifat Qana’ah. Sifat Qanaah yang menyingkir dan menolak tarikan dunia yang berlebih-lebihan. Dengan sifat Qana’ah, pemimpin koperasi akan mempunyai pegangan yang sangat kuat. Pegangan inilah yang akan membantu menempa kejayaan sama ada di dunia mahupun di akhirat.

## Kesimpulan

Sifat Qanaah dalam kalangan pemimpin koperasi merupakan tiang kepada kejayaan sesebuah koperasi. Sifat Qanaah memberi manfaat kepada pemimpin koperasi dari sudut kehidupan berkoperasi seperti perjalanan hidup lebih tenang dan tenteram, melahirkan sikap optimis dan tidak putus asa di setiap usaha yang dijalankan, mampu menundukkan sikap hasad dengki, ego terhadap keberhasilan diri sendiri dan orang lain serta menebalkan rasa kesyukuran terhadap Allah SWT dengan pola hidup yang sederhana.

Setiap pemimpin koperasi mestilah berupaya untuk merancang hala tuju koperasi sebagaimana yang diamanahkan oleh anggota koperasi menerusi Mesyuarat Agung Tahunan koperasi. Justeru, dalam menggembangkan tenaga bagi menunaikan tanggungjawab berkenaan, pemimpin koperasi perlu membuat perancangan sesuatu aktiviti mahupun projek koperasi secara holistik. Sudah pasti untuk memperoleh sesuatu perancangan itu lebih berdaya maju, ketenangan dan ketenteraman dalam kalangan pemimpin koperasi dalam perancangan sehingga pelaksanaan merupakan pemacu (accelerator) kepada kewajaran kejayaan sesebuah koperasi. **DK**

## Rujukan

- Ab. Aziz Yusof., & Ahmad Bashir Aziz.(2008). *Pengurusan perniagaan Islam*. Alor Setar: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof., & Ahmad Bashir Aziz.(2010). *Menjadi usahawan Muslim hebat*. Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.
- Ab. Aziz Yusof., & Ahmad Bashir Aziz.(2010). *Menjadi usahawan berjaya*. Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin.(1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aizuddin Hj. Zakaria(2011). *Rahsia jutawan Islam: Abdul Rahman bin Auf*. Kuala Lumpur: Publishing House.
- Aizuddin Hj. Zakaria., & Mohamed Sulaiman.(2010). *Jejak bisnes Rasul*. Kuala Lumpur: Publishing House.
- L.Michael Hall (2004). *The Source Book of Magis: A comprehensive guide to NLP change patterns*. United Kingdom: Crown House Publishing Limited.
- Robert B. Dilts.(1998). *Modeling with NLP*.United State of America: Meta Publications.
- Syed Zamberi Ahmad.(2009). *Keusahawanan: Teori, proses dan amalan*. Petaling Jaya: Leeds Publications (M) Sdn. Bhd.